

PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KEDUA (PERASMIAN) PENGGAL PERTAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KE-13 PADA 30 SEPTEMBER 2013

HADIR:

BIL.	NAMA	ADUN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: Y.B. Dato' Dr. Haji Awaludin bin Said, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Kota
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: Y.A.B. Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, S.P.N.S., D.S.N.S., P.S.D., D.S.S.A., A.N.S.	Rantau
3.	Y.B. Dato' Haji Hasim bin Rusdi, D.P.N.S., D.M.S.M., P.P.T., J.P., A.N.S., A.M.N., P.M.C., P.J.K.	Labu
4.	Y.B. Tuan Manickam a/l Letchuman, P.M.C., P.J.K.	Jeram Padang
5.	Y.B. Dato' Haji Ismail bin Lasim, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Senaling
6.	Y.B. Dato' Norhayati binti Omar, D.S.N.S., P.M.C., P.J.K.	Pilah
7.	Y.B. Dato' Shamshulkahar bin Mohd. Deli, D.P.N.S., P.M.C., P.J.K.	Serting
8.	Y.B. Dato' Zaifulbahri bin Idris, D.P.N.S., D.N.S., P.J.K.	Chembong
9.	Y.B. Datuk Haji Jalaluddin bin Haji Alias, P.G.D.K., D.N.S., J.P.	Pertang
10.	Y.B. Tuan Haji Tun Hairudin bin Abu Bakar, J.P., P.M.C., P.J.K.	Bagan Pinang
11.	Y.B. Tuan Abd. Razak bin Ab. Said, P.M.C., P.J.K.	Gemas
12.	Y.B. Tuan Haji Abu Ubaidah bin Dato' Haji Redza, J.P.	Ampangan
13.	Y.B. Dato' Haji Lilah bin Haji Yasin, D.S.N.S.	Palong
14.	Y.B. Dato' Haji Mohammad Razi bin Haji Kail, D.S.N.S.	Juasseh
15.	Y.B. Dato' Abd. Samad bin Haji Ibrahim, D.P.N.S., D.N.S., J.P., P.M.C., P.J.K.	Seri Menanti
16.	Y.B. Dato' Haji Yunus bin Rahmat, D.S.N.S., D.M.S.M., K.M.N., J.P., P.J.K.	Klawang
17.	Y.B. Dato' Haji Ishak bin Ismail, D.S.N.S., A.M.N., K.M.N., J.P.	Lenggeng
18.	Y.B. Tuan Mohd. Razi bin Mohd. Ali, P.M.C.	Sungai Lui
19.	Y.B. Tuan Haji Abu Samah bin Mahat, D.N.S., A.N.S., P.M.C.	Johol

BIL.	NAMA	ADUN
20.	Y.B. Tuan Mohd. Ghazali bin Abd. Wahid, A.N.S., P.M.C.	Paroi
21.	Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Mohd. Redza	Linggi
22.	Y.B. Tuan Mohd. Isam bin Mohd. Isa, A.N.S., P.J.K.	Gemencheh
23.	Y.B. Tuan Loke Siew Fook	Chennah
24.	Y.B. Tuan Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
25.	Y.B. Tuan Cha Kee Chin	Bukit Kepayang
26.	Y.B. Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Senawang
27.	Y.B. Tuan Chai Tong Chai	Chuah
28.	Y.B. Tuan Ean Yong Tin Sin	Lukut
29.	Y.B. Tuan Yap Yew Weng	Mambau
30.	Y.B. Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
31.	Y.B. Tuan Ravi a/l Munusamy	Port Dickson
32.	Y.B. Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
33.	Y.B. Puan Mary Josephine Prittam Singh	Rahang
34.	Y.B. Tuan Chew Seh Yong	Bahau
35.	Y.B. Tuan Siow Kim Leong	Lobak
36.	Y.B. Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai

**HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. Y.B. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Haji Mat Ali bin Hassan, D.P.N.S., D.P.T.J., A.M.T.)
2. Y.B. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Ishak bin Sahari, D.P.T.J., S.M.P.)
3. Y.B. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Haji Tahar bin Haji Sudin, D.P.N.S.)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Encik Mohd. Amin bin Ludin, A.N.S.)
2. PENOLONG SETIAUSAHA
(Nor Adzman bin Alias, P.M.C.)

Setiausaha Dewan: Ketibaan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

[Persidangan dimulakan pada jam 10.10 pagi]

Setiausaha Dewan: Persidangan Kedua (Perasmian) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13. Susunan Mesyuarat.

1. MEMBACA DOA

Setiausaha Dewan: Perkara pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Johol.

[Y.B. ADUN Johol telah membacakan doa di bawah Peraturan 9, muka surat 11 di dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan; Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Yang Berhormat Ahli-Ahli mesyuarat, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke Persidangan Kedua (Perasmian) Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke 13. Persidangan ini adalah mengikut Perkara 56 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 dan Peraturan IV, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan dan akan berlangsung selama tiga hari, bermula dari hari ini, Isnin 30 September 2013 hingga hari Rabu 2 Oktober 2013.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar lagi kita akan mendengar Titah Ucapan dan Perasmian Persidangan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13 oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Justeru itu, saya menyeru semua yang hadir di Dewan yang mulia ini, khususnya Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya mengikuti serta memberi sepenuh perhatian kepada Titah Ucapan Baginda yang meletakkan tumpuan serta hala tuju pembangunan Negeri Sembilan bagi tahun 2013 dan seterusnya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya memohon kerjasama semua Ahli-Ahli Yang Berhormat agar senantiasa mematuhi etika dan segala peraturan yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri, Negeri Sembilan sepanjang tempoh persidangan bagi memastikan persidangan kita berlangsung dalam keadaan harmoni dan lancar dari awal hingga ke akhirnya.

Kepada Ketua-Ketua Jabatan, saya berharap tuan-tuan, puan-puan akan terus menghadiri persidangan Dewan dan mengikuti segala perbahasan yang diambil bahagian oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat serta terus mengambil tindakan susulan yang dibangkitkan di Dewan ini demi kepentingan rakyat.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum w.b.t. dan terima kasih.

3. PERINGATAN MESYUARAT

Setiausaha Dewan: Perkara ketiga, Peringatan Mesyuarat.

Pertama, mengesahkan Peringatan Mesyuarat Kali Ketiga (Belanjawan) Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-12 yang telah diadakan pada 14, 17 dan 18 Disember 2012.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Peringatan Mesyuarat Kali Ketiga (Belanjawan) Penggal Keempat [Kelima] Dewan Undangan Negeri Yang Ke-12 yang telah diadakan pada 14, 17 dan 18 Disember 2012 telah pun diedarkan salinannya. Oleh itu ada apa-apa teguran? Sekiranya tiada, diharap seorang ahli mencadangkan dan seorang ahli menyokong supaya disahkan.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan agar minit mesyuarat, Peringatan Mesyuarat Kali Ketiga

(Belanjawan) Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-12 yang diadakan pada 14, 17 dan 18 Disember 2012 disahkan.

Y.B. ADUN Labu: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan tersebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Peringatan Mesyuarat ini disahkan, sila angkat tangan [semua 35 orang Ahli Yang Berhormat mengundi]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? **Peringatan Mesyuarat ini disahkan.**

[Peringatan Mesyuarat Kali Ketiga (Belanjawan) Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-12 yang telah diadakan pada 14, 17 dan 18 Disember 2012 disahkan tanpa pindaan dan Y.B. Yang Dipertua Dewan menandatangani Peringatan Mesyuarat tersebut.]

Setiausaha Dewan: Kedua, mengesahkan Peringatan Mesyuarat Kali Pertama (Khas) Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 yang telah diadakan pada 17 Jun 2013.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Peringatan Mesyuarat Kali Pertama (Khas) Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13 yang telah diadakan pada 17 Jun 2013 telah pun diedarkan salinannya. Oleh itu ada apa-apa teguran? Sekiranya tiada, diharap seorang ahli mencadangkan dan seorang ahli menyokong supaya disahkan.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin mencadangkan supaya minit Mesyuarat (Khas) tersebut disahkan.

Y.B. ADUN Jeram Padang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Peringatan Mesyuarat ini disahkan, sila angkat tangan [semua 35 orang

Ahli Yang Berhormat mengundi]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? **Peringatan Mesyuarat ini disahkan.**

[Peringatan Mesyuarat Kali Pertama (Khas) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 yang telah diadakan pada 17 Jun 2013 disahkan tanpa pindaan dan Y.B. Yang Dipertua Dewan menandatangani Peringatan Mesyuarat tersebut.]

4. TITAH UCAPAN DIRAJA

Setiausaha Dewan: Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, sebentar lagi Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan akan menyampaikan Titah Ucapan baginda dalam Dewan yang mulia ini. Dan sekarang Dewan ditangguhkan sebentar untuk ketibaan Yang Teramat Mulia Dato' Undang Yang Empat serta Yang Teramat Mulia Tunku Besar Tampin dan Keberangkatan masuk Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia tuan, Tunku Ampuan.

[Persidangan Dewan ditangguhkan seketika. Y.B. Yang Dipertua Dewan meninggalkan Galeri Persidangan]

Setiausaha Dewan: Ketibaan Yang Teramat Mulia Tengku Besar Tampin. Ketibaan Yang Teramat Mulia Dato' Undang Luak Rembau. Ketibaan Yang Teramat Mulia Dato' Undang Luak Johol. Ketibaan Yang Teramat Mulia Dato' Undang Luak Jelebu. Ketibaan Yang Teramat Mulia Dato' Undang Luak Sg. Ujong.

Keberangkatan masuk Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan.

[D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan D.Y.M.M. Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan diiringi oleh Y.B. Yang Dipertua Dewan berangkat masuk ke Dewan dan terus bersemayam]

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Ampun Tuanku, Patik memohon perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk melafazkan Titah Ucapan kepada sidang hadirin di dalam Dewan yang mulia ini. Mohon perkenan Tuanku.

[Y.A.B. Dato' Seri Utama Menteri Besar Negeri Sembilan menyembahkan Teks Titah Ucapan DiRaja kepada D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan]

[D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan menyampaikan Titah Ucapan Baginda]

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Menjunjung kasih Tuanku. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan.

[Y.A.B. ADUN Rantau mengambil semula teks Titah Ucapan]

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Menjunjung kasih Tuanku. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan. Dewan akan disambung semula pada hari Selasa, 1 Oktober 2013 bersamaan 25 Zulkaedah 1434 Hijrah mulai jam 10.00 pagi. Keberangkatan balik Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan. Yang Teramat Mulia Dato'-Dato' Undang Yang Empat dan Yang Teramat Mulia Tengku Besar Tampin meninggalkan Dewan.

[Persidangan Dewan Undangan Negeri ditangguhkan pada jam 11.15 pagi]